



GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 2 TAHUN 2016 LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PROSEDUR PERMOHONAN SURAT PENYELESAIAN CUKAI (SPC) INDIVIDU

1. PENGENALAN

1.1. Surat penyelesaian cukai (SPC) individu merupakan perakuan yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) kepada majikan berkaitan hal-ehwal cukai pendapatan pekerja yang akan berhenti kerja / bersara / meninggal dunia atau hendak meninggalkan Malaysia.

1.2. Majikan kerajaan atau swasta hendaklah membuat permohonan SPC kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) sekiranya pekerja akan berhenti kerja / bersara / meninggal dunia atau hendak meninggalkan Malaysia.

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan berkenaan dengan prosedur permohonan SPC mulai tarikh permohonan diterima hingga tuntutan SPC dijelaskan sepenuhnya.

3. KAEDAH PERMOHONAN

3.1. Permohonan hendaklah dibuat oleh majikan kepada KPHDN tidak kurang dari satu bulan sebelum tarikh pemberhentian pekerja / bersara atau pekerja dijangka meninggalkan Malaysia melalui kaedah seperti berikut :

3.1.1. e-SPC di Portal Rasmi LHDNM; atau

3.1.2. Borang yang boleh dicetak dari Portal Rasmi LHDNM :

- CP21 - Pemberitahuan Oleh Majikan Bagi Pekerja Yang Hendak Meninggalkan Malaysia
- CP22A - Pemberitahuan Pemberhentian Kerja (Swasta)
- CP22B - Pemberitahuan Pemberhentian Kerja (Agensi Kerajaan)

3.2. Borang yang lengkap hendaklah dikemukakan ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pekerja atau ke cawangan LHDNM yang berhampiran.

3.3. Senarai semak permohonan SPC seperti di Lampiran A hendaklah digunakan semasa mengemukakan permohonan.

4. TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

Tanggungjawab Majikan	Subseksyen	Denda / Kesalahan
(a) Memaklumkan sekiranya pekerja berhenti kerja / bersara.	Subseksyen 83(3) Akta Cukai Pendapatan 1967(ACP 1967)	Jika gagal mematuhi subseksyen tersebut, majikan boleh disabitkan kesalahan di bawah perenggan 120(1)(c) dan / atau subseksyen 107(4) ACP 1967.
(b) Memaklumkan kepada KPHDN tidak kurang dari satu bulan sebelum tarikh pekerja dijangka meninggalkan Malaysia.	Subseksyen 83(4) ACP 1967	

(c)	<p>Menahan apa-apa bahagian wang yang akan atau boleh dibayar kepada pekerja yang berhenti kerja / akan berhenti kerja / bercadang meninggalkan Malaysia untuk tempoh melebihi tiga (3) bulan.</p> <p>Majikan tidak boleh membayar apa-apa bahagian wang ini tanpa kebenaran KPHDN dalam tempoh 90 hari dari tarikh Borang CP21, CP22A, atau CP22B (yang mana berkenaan) diterima oleh KPHDN.</p> <p>Majikan hendaklah membayar semua atau sebahagian amaun yang ditahan kepada LHDNM apabila diarahkan pada bila-bila masa dalam tempoh tersebut.</p>	<p>Subseksyen 83(5) ACP 1967</p>	<p>Kegagalan mematuhi subseksyen 83(5) ACP 1967 membolehkan majikan disabitkan kesalahan di bawah perenggan 120(1)(e) dan / atau subseksyen 107(4) ACP 1967.</p>
-----	--	----------------------------------	--

5. TANGGUNGJAWAB PEKERJA

5.1. Pekerja yang akan berhenti kerja / bersara / pekerja yang hendak meninggalkan Malaysia perlu memastikan taksiran tahun kebelakangan (Tahun Taksiran 2013 dan sebelum) adalah lengkap dan teratur.

5.2. Pekerja yang akan berhenti kerja / bersara ;

- a. Layak untuk Potongan Cukai Berjadual Sebagai Cukai Muktamad (PCBCM); Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) tahun taksiran semasa tidak perlu dikemukakan dan BNCP tahun taksiran tamat perkhidmatan perlu dikemukakan pada tahun berikutnya.
- b. Tidak layak untuk PCBCM; BNCP perlu dikemukakan bagi tahun taksiran semasa dan tahun taksiran tamat perkhidmatan pada tahun berikutnya.

5.3. Pekerja yang hendak meninggalkan Malaysia ;

- a. Tidak layak untuk PCBCM; perlu mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran semasa dan tahun taksiran tamat perkhidmatan.
- b. Layak untuk PCBCM; perlu mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran tamat perkhidmatan dan tahun taksiran semasa tidak perlu dikemukakan.
- c. Jika BNCP bagi tahun taksiran semasa masih belum disediakan oleh LHDNM, BNCP bagi tahun taksiran terakhir sebelumnya boleh digunakan dengan penyesuaian seperti berikut :

Contoh ;

BNCP bagi tahun taksiran 2015 masih belum disediakan oleh LHDNM. Pekerja yang hendak meninggalkan Malaysia perlu menggunakan BNCP tahun taksiran 2014 dengan memotong "2014" dan menulis "2015".

6. TANGGUNGJAWAB LHDNM

- 6.1. Permohonan SPC individu yang lengkap diterima oleh LHDNM akan diproses mengikut Piagam Pelanggan LHDNM.
- 6.2. SPC individu akan dihantar kepada majikan dan disalinkan kepada pekerja.
- 6.3. LHDNM boleh mengenakan tindakan sekatan perjalanan di bawah seksyen 104 ACP 1967 ke atas pekerja yang gagal menjelaskan cukai tertunggak.

6.4. LHDNM juga boleh mengambil tindakan guaman sivil di bawah subseksyen 107(4) ACP 1967 ke atas majikan yang gagal membayar amaun tuntutan di SPC individu.

6.5. Pegawai Perhubungan Awam cawangan boleh dihubungi sekiranya menghadapi masalah dalam pengeluaran SPC individu. Senarai nama Pegawai Perhubungan Awam boleh diperolehi dari Portal Rasmi LHDNM.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

12 Februari 2016



**SENARAI SEMAK PERMOHONAN
SURAT PENYELESAIAN CUKAI (SPC) INDIVIDU
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

JENIS BORANG

<input type="checkbox"/>	CP21	Pemberitahuan Oleh Majikan Bagi Pekerja Yang Hendak Meninggalkan Malaysia
<input type="checkbox"/>	CP22A	Pemberitahuan Pemberhentian Kerja (Swasta)
<input type="checkbox"/>	CP22B	Pemberitahuan Pemberhentian Kerja (Agensi Kerajaan)

PERKARA

<input type="checkbox"/>	Borang CP21 / CP22A / CP22B telah diisi dengan lengkap
<input type="checkbox"/>	Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) sehingga tahun taksiran terkini
<input type="checkbox"/>	Salinan borang EA / EC
<input type="checkbox"/>	Salinan Passport (Kes CP21 sahaja)
<input type="checkbox"/>	Jadual perjalanan keluar / masuk Malaysia (Kes CP21 sahaja)

KEGUNAAN PEJABAT

<input type="checkbox"/>	LENGKAP
<input type="checkbox"/>	TIDAK LENGKAP

CATATAN :

COP PENERIMAAN

PROSEDUR PERMOHONAN SURAT PENYELESAIAN CUKAI (SPC) INDIVIDU**CARTA ALIRAN PERMOHONAN SPC INDIVIDU**